

Bahasa  
Melayu  
Kertas 1  
Mei/Jun  
2016  
2 1/2 jam

Nama pelajar :.....

Tingkatan :.....



**SMK MAHMUD MAHYIDIN**  
**PASIR PEKAN ,WAKAF BHARU KELANTAN**

---

**PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN (PKBS 2)**

**TINGKATAN 5 (2016)**

---

**BAHASA MELAYU**

**KERTAS 2**

**Dua jam tiga puluh minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Kertas soalan ini mengandungi **empat** soalan.
2. Jawab **semua** soalan
3. Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2 ( c ), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.
4. Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada kertas jawapan yang berasingan.
5. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi dan Jawi.

## Soalan 1 : Rumusan

[ 30 markah ]

Baca petikan di bawah dengan teliti , kemudian buat satu rumusan tentang **cara-cara menguruskan sampah dengan berkesan** dan **implikasinya kepada negara**. Panjang rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**

Kepesatan pembangunan menuntut sesebuah negara membangun, seperti Malaysia, menguruskan sistem pelupusan sisa pepejal domestik secara berkesan. Hal ini dibuktikan dengan kewujudan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, serta agensi, seperti Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara serta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA). Pada peringkat antarabangsa Malaysia menandatangani Protokol Kyoto 1997 bagi menangani kesan perubahan iklim dan pemanasan global ekoran kesan rumah hijau selain pencemaran air dan udara.

Jika diimbangi secara kronologi sejarah pengurusan alam sekitar di Malaysia, pada Oktober 1994, kerajaan menyarankan agar syarikat swasta membuat tawaran bagi penswastan pengurusan sisa pepejal untuk meningkatkan kualiti pengurusan sisa pepejal. Dalam usaha merealisasikan *kelestarian alam sekitar*, beberapa perkara memerlukan perhatian dan penambahbaikan segera, antaranya termasuklah memperbanyak tempat pelupusan sampah . Bagi pakar pengurusan sisa pepejal dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Dr. Hassan Basri, keadaan itu membayangkan bahawa pengurusan sisa pepejal di negara ini masih kurang efisien. Masalah ini juga kritikal untuk jangka panjang, kerana tapak pelupusan sampah pembuangan terbuka juga memerlukan kos yang tinggi untuk dibangunkan semula, selain menurunkan nilai hartanah di kawasan berhampiran. Oleh itu kerajaan bertindak untuk meminimumkan pengurusan melalui kaedah insinerator gasifikasi dan peleburan abu untuk menggantikan tapak pelupusan sampah konvensional.

Pertambahan penduduk di negara kita di samping kemasukan warga asing menyebabkan keperluan kepenggunaan barangan semakin meningkat. Begitu juga keperluan kepada tempat tinggal semakin mendesak. Hal ini akan mendorong kepada kuantiti sampah semakin meningkat. Justeru, elakkan penggunaan beg plastik dengan membawa beg sendiri untuk membeli-belah. Contohnya “hari tiada beg plastik” pada setiap Isnin, Selasa dan Rabu, seperti yang diamalkan oleh kerajaan Pulau Pinang, wajar dijadikan contoh untuk mengurangkan kadar pembuangan sampah jenis plastik, malah mengurangkan kos pengendalian sampah sarap dan memelihara alam sekitar

Selain itu, para pengguna mestilah bijak dengan membeli produk mesra alam yang diiktirafkan bagi mengurangkan beban kepada alam sekitar. Bagi kawasan-kawasan terbuka

seperti taman-taman rekreasi pihak yang berwajib seperti Majlis Perbandaran perlulah meletakkan lebih banyak tong kitar semula melalui program kitar semula. Pendidikan dan kesedaran tentang pengurusan sisa sampah secara bijak semakin penting untuk menangani masalah pembuangan sampah. Pihak sekolah selaku institusi pendidikan formal mestilah menerapkan nilai-nilai kebersihan bagi setiap pelajar agar kebersihan ini menjadi darah daging dalam setiap kehidupan mereka. Seterusnya, ibu bapa perlu menyalurkan ilmu moral tentang kepentingan penjagaan alam sekitar dan penanaman tabiat menjaga kebersihan alam sekitar sejak kanak-kanak lagi kerana mereka mudah dilentur. Media massa sebagai media penyaluran maklumat yang paling penting perlulah mendedahkan kepentingan alam sekitar melalui pelbagai kempen, seperti program “Cintailah Sungai Kita”.

Oleh hal yang demikian, peranan yang dimainkan oleh setiap lapisan masyarakat dapat membanteras sikap yang tidak bertanggungjawab dan membentuk masyarakat penyayang dan pembersih terhadap alam sekitar.

( Dipetik dan diubahsuaikan  
daripada rencana Alam Sekitar  
”Dilarang membuang sampah,”  
Dewan Masyarakat, JUN 2014)

## Soalan 2: Pemahaman [35 markah]

### Soalan 2 (a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- i.) Apakah maksud rangkai kata *kelestarian alam sekitar*? (2 markah)
  
- ii.) Nyatakan impak negatif pencemaran alam kepada manusia sejagat. (3 markah)
  
- iii.) Pada pendapat anda, apakah punca-punca yang menyebabkan berlakunya pencemaran alam? (4 markah)

## Soalan 2(b) – Petikan Prosa Moden

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Kegelisahan diriku mencairkan kesabaran sang guru lalu terlarik segera soalan :  
“Aqil,cuba awak kaitkan Teori Graviti dengan alam sejagat”.

Nama sebenar murid lelaki yang bernama Aiman itu ialah Aiman Aqil.Dia bangga akan nama itu,nama yang diberikan sebaik-baik sahaja regekan pertama memecah kesunyian di bilik bersalin. Pada ketika itu, Sang Suria memuncaki ubun-ubun.

Betapa tak bangganya? Aiman bermaksud insan yang beriman. Aduh, terukir senyuman lebar menabiri wajahnya! Aqil pula bermakna yang berakal.Insan dianugerahi akal untuk berfikir secara rasional dan matang, berbeza daripada haiwan. Kebanggaannya kian menguntum dan terkelopak kembang mawar mewangi menyentuh deria penghiduan.

“Objek yang terlambung di udara pasti akan jatuh ke bumi kecuali tersangkut di dahanan utuh atau reranting teguh”. Ketawa berderai meriuhkan suasana kelas.

Perlahan-lahan Aiman bangun . “Newton ambil ingatan akan daya graviti dapat menetapkan kedekatan bulan dan bumi”.

“Maksudnya?” Satu lagi pertanyaan terlantun daripada Cikgu Faridah ,yang menggelari dirinya profesor, kerana didepaninya murid pintar dan mempunyai IQ yang tinggi.

“Alam semesta sebaik-baik kejadian di sisi Allah Taala.”.Riuh gemuruh terus berterusan menyambut jawapan ringkasnya.

Wajah Cikgu Faridah spontan berubah,memercikkan darah amarah yang nampaknya macam tidak terkawal,tidak terbatal,sedar akan hakikat itu,cepat-cepat Aiman membetulkan jawapannya.

“ Kuasa graviti yang lebih besar dan kuat itu ,menetapkan semua planet dalam sistem suria pada kedudukan orbit masing-masing.”

Seisi kelas terdiam dan terpegun .Saat begini memberi ruang kepadanya untuk menguliti dirinya. Betapa tidak ,Aiman sedar bahawa dirinya lain daripada yang lain.

(Dipetik daripada cerpen **Hipertensi** oleh Illias Zaidi dalam antalogi Sejadah Rindu, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- i.) Apakah yang menyebabkan cikgu Faridah menjadi marah? ( 2 markah )
- ii.) Pada pendapat anda, apakah ciri-ciri generasi muda yang berani menghadapi cabaran hidup? ( 4 markah )
- iii.) Huraikan satu persoalan berdasarkan petikan cerpen di atas dan dua persoalan lain yang terdapat dalam cerpen ini. ( 3 markah )

### Soalan 2(c) – Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setelah habislah dikenalnya segala yang empunya, maka titah raja, “Hai segala kamu sekalian, hendaklah segala harta ini dibahagi tiga, dua bahagi akan Laksamana, sebahagi akan orang yang empunya harta, kerana harta ini sudahlah hilang beroleh akan Laksamana.”

Maka sembah orang itu, “Daulat tuanku, mana titah patik junjung.”

Maka sembah Laksamana, ”Ya tuanku, jika demikian, sahaja aniyalah duli yang maha mulia dan dukacitalah sekalian empunya harta. Yang sebahagi itu akan patik. Dalam pada itu pun, mana kasih hatinya hendak memberi akan patik.”

Maka titah baginda, “Hai segala kamu, sukakah seperti kata Laksamana ini?”

Maka sembah mereka itu, “Sukalah patik sekalian memberi Laksamana. Demi Allah dan Rasul-Nya, dengan tulus ikhlas hati patik sekalian.” Masing-masing pun memberikan segala hartanya akan Laksamana.

Maka Laksamana pun membahagi tiga, diambil oleh Laksamana harta itu sebahagi. Maka yang sebahagi Laksamana ambil itu dibahagi tiga pula; yang sebahagi itu didermakan pada segala fakir miskin dan sebahagi lagi diberikan pada segala pegawai yang tiada penguasaan dan sebahagi diberikan pada segala orangnya. Maka harta itu habislah, suatu pun tiada diambil oleh Laksamana.

Maka baginda pun terlalu amat kurnia akan Laksamana; barang sesuatu bicara, jikalau tiada Laksamana, tiadalah putus. ***Maka negeri Melaka pun kararlah.***

Berapa lamanya maka terdengar ke Majapahit kepada Patih Gajah Mada bahawa Kertala Sari sudah mati dibunuh Laksamana itu juga, sentiasa menyuruh ke gunung dan segenap bukit bertanyakan orang yang bercakap membunuh Laksamana dan Ratu Melaka. Demikianlah pekerjaannya.

Mohd Yusof Md Nor dan Inon Shahrudin Abdul Rahman  
(Peyelenggara)  
Rampaisari Prosa Warisan, 1998  
Fajar Bakti Sdn. Bhd.

- i.) Jelaskan maksud rangkai kata **maka negeri Melaka pun kararlah.** ( 2 markah)
- ii.) Apakah tindakan yang dilakukan oleh Laksamana terhadap kurniaan harta kepadanya ? (3 markah)
- iii.) Pada pendapat anda, apakah kebaikan pemerintah bersikap adil terhadap rakyatnya? [ 3 markah ]

## Soalan 2(d) – Pemahaman Puisi

Baca sajak berikut dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

### **PESAN LELAKI KECIL KEPADA GADIS KAMPUS**

Kuhantar kau mengecapi angin baru  
udara lain dari kampung bendang kuningmu  
bumantara asing dari yang sering kaumesrai  
yang sama sekali berbeza  
dengan suasana suntimu  
kau nikmatilah angin dan udara ilmu itu  
memesrai azimat dan tangkal  
dari tangga gading.

Kulepaskan kau menjadi burung putih  
dengan sayap berkembang  
menongkah awan perak dan kabut dingin  
mengenal kalimat hujan dan bilah petir  
menyelit antara sembilu nasib  
dan waras akal.

Di awan kampus yang sarat ilmu  
hadir sihir angin bernafas api  
di pohon kampus yang tegar status  
berceracak selumbar noda mengabur fikir  
di padang kampus yang hijau pertimbangan  
tumbuh gunung ego menghalau pekerti.

Pandai-pandailah kau terbang  
menongkah awan mulus dan kabus dingin  
jangan kau pulang  
dengan percikan duka dan balutan luka  
di sayapmu yang patah

Belati Cinta Zulaikha  
Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd  
Antalogi Sejadah Rindu

- i.) Jelaskan maksud rangkap rangkap keempat sajak di atas ( 2 markah )
- ii.) Pada pendapat anda, bagaimanakah cara kita hendak menjaga maruah diri ? ( 3 markah )
- iii.) Jelaskan pengajaran yang dipaparkan oleh penyajak berdasarkan sajak di atas. ( 4 markah )

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

( 30 markah )

Jawab **semua** soalan

(a) Tulis **satu** ayat bagi tiap-tiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- i.) karenah ----- kerenah
- ii.) menonton ----- menuntun
- iii.) martabak -----martabat

[ 6 markah ]

(b) *Cerakinkan ayat majmuk dalam perenggan di bawah kepada enam ayat tanpa mengubah maksud asalnya.*

Kesedaran pengguna terhadap keburukan penggunaan polistirena atau bahan yang dibuat daripada plastik semakin meningkat. Ramai pengguna membawa bekas makanan untuk membeli sarapan pagi ataupun lauk-pauk makan tengah hari. Secara tidak langsung perbuatan mereka ini akan dapat mengurangkan penggunaan polistirena sekaligus mengurangkan pencemaran alam sekitar di negara kita.

[6 markah]

c) Dalam petikan di bawah terdapat **tiga kesalahan ejaan** dan **tiga kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan dalam setiap ayat. Anda tidak perlu menyalin ayat-ayat itu semula.

- i.) Encik Jasmin menghadiahkan isterinya sejangkak bunga mawar bersempena sambutan hari ulangtahun perkahwinaan mereka yang ke-25.
- ii) Kerajaan bercadang untuk menghadkan kadar kelajuan kenderaan di jalan raya diseluruh Malaysia untuk mengurangkan kejadian kemalangan.
- iii) Dalam persidangan tersebut ,semua ketua deligasi telah bersetuju untuk penubuhan sebuah sekretariat bagi menangani hak-hak asasi manusia.

[ 6 markah ]

d) Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah** dan **satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa . Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- i.) Jumlah kerugian yang penduduk alami akibat kejadian banjir yang melanda kawasan rendah di dearah Segamat baru-baru ini ditafsirkan bernilai kira-kira lima juta ringgit.
- ii.) Kerajaan menghabiskan berjuta-juta ringgit untuk menyediakan berbagai prasarana pendidikan di kawasan pedalaman.
- iii.) Fakhrul berharap agar surat permintaan biasiswanya ke syarikat itu akan mendapat perhatian.

[ 6 markah ]



( e.) Nyatakan peribahasa yang sesuai berdasarkan maksud ayat yang diberikan di bawah:

- i.) Datuk Ahmad merupakan orang berpangkat dan mempunyai kedudukan dalam masyarakat sering bergaul dengan sesiapa sahaja walaupun dengan orang bawahan
- ii.) Perasaan ibu dan bapa Johan amat kecewa dan sedih apabila Johan sengaja tidak menghadiri peperiksaan SPM dengan alasan tidak bersedia untuk menghadapi peperiksaan tersebut
- iii.) Leman membuat kerja sambilan sebagai penjual surat khabar sementara menunggu jawapan permohonannya untuk bekerja di kilang itu sebagai jurutera ( 6 markah )

Soalan 4: Novel

[15 markah]

Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (ii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop

(a) Sesebuah novel mengetengahkan pelbagai latar masyarakat .

Berdasarkan sebuah novel yang anda telah kaji, huraikan latar masyarakat yang dipaparkan oleh pengarang. ( 7 markah )

(b) Perbagai teknik penceritaan telah digunakan oleh pengarang untuk menarik minat pembaca.

Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, jelaskan teknik penceritaan yang digunakan oleh pengarang.

(8 markah )

**Kertas soalan tamat**

